

27 JUN 1999

Abu Hassan-Calon

KESETIAAN MENJADI KRITERIA PENTING MEMILIH CALON

SHAH ALAM, 27 Jun (Bernama) -- Kesetiaan kepada parti dan perjuangannya akan menjadi kriteria penting dalam memilih calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beliau berkata selain kesetiaan, kriteria lain yang akan dikaji dengan teliti ialah prestasi dan sumbangan calon.

"Kesetiaan menjadi faktor utama kerana mereka mewakili parti bukan diri sendiri," kata beliau kepada pemberita dalam sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Bhd (KOSAS) di sini, hari ini.

Lebih 1,000 ahli menghadiri mesyuarat itu.

Abu Hassan yang juga pengerusi BN Selangor enggan memberitahu sama ada BN negeri telah selesai menyenaraikan nama-nama calon untuk pilihan raya itu.

Beliau berkata jentera pilihan raya BN Selangor telah bersedia dan sanggup menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.

Abu Hassan juga menasihatkan parti komponen BN supaya mematuhi nasihat Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya 'meletakkan dalam peti ais' sebarang masalah dan menumpukan sepenuh perhatian kepada pilihan raya.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat majlis tertinggi BN, kali terakhir sebelum pilihan raya, Khamis lepas.

Mengenai masalah dalaman Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Abu Hassan berkata beliau telah bercakap dengan presiden parti itu, Datuk M. Kayveas dan beliau (Kayveas) memberi jaminan akan menyelesaikannya tanpa memberi kesan kepada prestasi BN pada pilihan raya nanti.

Mengenai dakwaan Pas dan Parti Keadilan bahawa mereka telah menubuhkan banyak cawangan di kubu kuat BN seperti di Shah Alam, Abu Hassan berkata ia bukan ancaman kepada BN kerana para pengundi memahami helah parti pembangkang sebelum pilihan raya.

Ditanya mengenai kesediaan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhsin Taib untuk berkhidmat kepada parti pada pilihan raya akan datang, Abu Hassan yang mengalu-alukannya berkata, Muhammad juga boleh membantu Umno Bahagian Ulu Selangor, yang beliau menjadi ahlinya, dalam kempen nanti.

-- BERNAMA

Km zb